

INFOKUS



DISEMBER 2019 | Bil. 69
www.umt.edu.my



**Tuanku Canselor
Lancar Petala 7
Sasterawan
Negara**

**Dr. Shahreza Rangkul
Anugerah Akademik
Negara**

**Penerbit UMT
Lancar Empat Judul
di Frankfurt**

TERKINI DI PASARAN



Petala 7 Sasterawan Negara

Pengarang:
Usman Awang
A. Samad Said
Muhammad Haji Salleh
Anwar Ridhwan
Kemala
Baha Zain
Zurinah Hassan

ISBN: 978-967-2320-50-0
Tahun: 2019



Ulik Mayang Heritage of Terengganu Erbe Terengganus

Pengarang:
Noraïen Mansor

ISBN: 978-967-2320-45-6
Tahun: 2019



Keropok Lekor Terengganu Terengganu-Fischwürste

Pengarang:
Noraïen Mansor

ISBN: 978-967-2320-47-0
Tahun: 2019



Tasik Kenyir Kenyir-See Cultural Heritage of an Indigenous Community Kulturerbe einer indigenen Gemeinschaft

Pengarang:
Roslina Ismail

ISBN: 978-967-2320-44-9
Tahun: 2019

like and follow us on



penerbitumt

Sidang Redaksi



Penaung

Prof. Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman
(Menjalankan Fungsi Naib Canselor)



Penasihat

YH Prof. Dato' Dr. Noraien Mansor



Ketua Pengarang

Mohd Afifullah Ahmad



Pereka Grafik

Mohd Fadli Abdullah

Penolong Editor

Azeeha Ibrahim
Mohamad Shahrul Azrin Mohamad Rafi
Nazarudin Othman

Jurufoto

Krew Media Kreatif

Kandungan

- 4 Sekalung Tahniah
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Universiti Malaysia Terengganu
- 6 Tangisan Syukur
Warnai Kemeriahan Konvokesyen UMT
- 9 Tuanku Canselor Lancar Petala 7
Sasterawan Negara
- 11 Dr. Shahreza Rangkul Anugerah
Akademik Negara
- 12 Penerbit UMT Lancar Empat Judul
di Frankfurt
- 14 L'ORÉAL-UNESCO for Women in Science
iktiraf Saintis UMT
- 16 Penerbit UMT Teroka Pasaran Indonesia
- 18 Penerbit UMT Pikul Misi
Pengantarabangsaan Penerbitan
- 20 JSSM Terima Anugerah Jurnal Berpotensi
Crème 2019
- 22 UMT Dinobatkan Johan
Anugerah IPT Bebas Denggi
- 23 Penyelidikan Translasi
Tingkat Populasi Undang Galah
- 25 Tasik Kenyir Himpun Pakar Burung
Universiti Terkemuka
- 27 Pensyarah UMT Giat Promosi Senarai Merah Kulat
Asia Tenggara Ke Serata Benua
- 30 Ekspedisi Saintifik Jelajah Taman
Negara Pahang Sungai Relau
- 32 Penyelidikan UMT
Buka lembaran Baharu
- 34 Kerjasama UMT-MSU Perkasa
Penyelidikan Bioteknologi
- 36 Mutiara UMT Santuni Komuniti
- 38 Pelajar UMT Timba Ilmu Pertanian
di Bogor
- 40 Mahasiswa UMT Jayakan Program
Khidmat Bakti
- 42 Personaliti TV Al Hijrah Kongsi Pengalaman
- 46 Seminar Kokurikulum Berkredit
Persiap Kemahiran Insaniah
- 47 Warga UMT Sertai Kursus Memanah
Teknikal Compound
- 48 Renungan

Sekalung Tahniah

YBHG. PROFESOR MADYA DR. HAFIZ BIN ZAKARIYA

Atas pelantikan sebagai

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Universiti Malaysia Terengganu



MAJLIS KONVOKESYEN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU KE 17

16 - 18 November 2019
bersamaan 19 - 21 Rabiulawal 1441H
Dewan Sultan Mizan
Universiti Malaysia Terengganu



Tangisan Syukur Warnai Kemeriahan Konvokesyen UMT

oleh: Mohd Afifullah Ahmad
Penerbit UMT

Majlis konvokesyen Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kali ke-17 telah membuka tirai pada 16 hingga 18 November 2019. Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah yang juga Canselor UMT berkenan mengisytiharkan pembukaan Majlis Konvokesyen UMT kali ini. Turut mencemar duli, Sultan Terengganu, Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.



Konvokesyen kali ini mengumpulkan seramai 2,902 orang graduan melibatkan 70 orang graduan ijazah doktor falsafah, 145 orang ijazah sarjana, 2687 orang graduan sarjana muda dan 96 diploma. Sidang penganugerahan dijalankan dalam enam sesi dengan pengisian persembahan selingan yang menyentuh emosi.

Para hadirin khususnya para graduan dan ibu bapa tidak dapat menyembunyikan perasaan tatkala

persembahan dan ucapan wakil graduan yang mengimbau pengorbanan ibu bapa dan keluarga. Apatah lagi, pada sesi keenam para graduan diberi peluang untuk memeluk dan bersalam dengan ibu bapa.

UMT turut menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada dua orang penerima iaitu YABhg. Tun Dr. Daim Zainuddin dan juga Laksamana (Bersara) Tan Sri Dato' Seri Panglima Dr. Ahmad Kamarulzaman Bin Hj Ahmad

1. *Penerima Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan, Laksamana (Bersara) Tan Sri Dato' Seri Panglima Dr. Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin.*
2. *Tun Dr. Daim Zainuddin dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi.*
3. *Seorang bapa menggendang selempang graduan cemerlang dengan tangisan kegembiraan.*

Badaruddin masing-masing menerima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi dan juga Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan.

Dalam majlis tersebut, Sultanah Nur Zahirah bertitah supaya graduan wanita berusaha mencipta lebih banyak kejayaan dalam bidang akademik, termasuk program penyelidikan ke arah memartabatkan golongan itu sambil menyatakan rasa bangga terhadap pencapaian dua penyelidik wanita UMT yang mendapat pengiktirafan baru-baru ini.

Turut diraikan pada majlis itu penerima Anugerah Pelajar Diraja, Anugerah Pingat Emas Canselor, Anugerah Pro Canselor, Anugerah Pengarah LPU dan Anugerah Naib Canselor.

Turut hadir ke majlis konvokesyen, Menteri Besar Terengganu, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad

Samsuri Mokhtar dan isteri, YABhg To' Puan Seri Tuan Faizah Tuan Ab Rahman, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, YB Setiausaha Kerajaan Terengganu, pegawai-pegawai tinggi kerajaan negeri Terengganu dan Pro-Canselor UMT, YBhg. Tan Sri Samsudin Osman, Pengerusi serta Ahli Lembaga Pengarah UMT.

Selain itu, UMT turut mengadakan majlis khas penyampaian skrol kepada Muhammad Fahim Shamsuddin, garduan ijazah sarjana muda sains gunaan (teknologi maritim) pada 20 November 2019. Beliau bersama keluarga yang sudah tiba di Terengganu terpaksa melupakan majlis konvokesyen setelah ibunya meninggal dunia beberapa jam sebelum sesi konvokesyen bermula.

Majlis khas penyampaian skrol kepada Muhammad Fahim turut dihadiri bapa dan ahli keluarga beliau.





Tuanku Canselor Lancar **Petala 7** **Sasterawan Negara**

oleh: Mohd Afifullah Ahmad
Penerbit UMT

Canselor UMT, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah telah berkenan melancarkan penerbitan buku Petala 7 Sasterawan Negara dalam Majlis Santapan Petang sempena Konvokesyen Universiti Malaysia Terengganu Ke-17 pada 15 November 2019 di TH Hotel & Convention Centre, Kuala Nerus.

Penerbitan ini menghimpunkan 132 puisi dengan menyetengahkan tujuh orang Sasterawan Negara iaitu Allahyarham Datuk Dr. Usman Awang (menerusi anakanda beliau Puan Haslina Usman), Dato' Seri Abdul Samad Said, Profesor Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh, Dato' Dr. Anwar Ridhwan, Dato' Dr. Ahmad Khmal Abdullah (Kemala), Dato' Baharuddin Zainal (Baha Zain) dan Dato' Dr. Zurinah Hassan.



Penerbitan Petala 7 Sasterawan Negara adalah langkah proaktif UMT demi menyahut seruan Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dr. Maszlee Malik supaya masyarakat universiti menghargai serta mendekati Sasterawan Negara.

Langkah mendokumentasikan himpunan puisi ini merupakan suatu usaha di pihak UMT untuk melestarikan kelangsungan persuratan dan sastra kebangsaan.

Digarap dengan penuh puitis, koleksi puisi ini memberikan banyak pengajaran mengenai kehidupan, kasih sayang dan memupuk semangat patriotism sesuai dengan status Sasterawan

Negara yang menyumbang kepada pembentukan Malaysia dan intelektual rakyat.

Penerbitan Petala 7 Sasterawan Negara juga memberi peluang kepada golongan pembaca khususnya pelajar universiti untuk menatap, menghayati dan menikmati puisi indah Sasterawan Negara.

Dalam majlis tersebut, turut diserikan dengan penyerahan operasi Public Viewing Lab: Bridging Science and Society serta penyerahan geran penyelidikan translasional berjumlah RM500,000.00 bagi projek pemuliharaan penyus di Terengganu.



Dr. Shahreza Rangkul Anugerah Akademik Negara

oleh:
Mohd Afifullah Ahmad
Penerbit UMT

Kreativiti dan inovasi yang diterapkan dalam pengajaran telah menobatkan pensyarah Fakulti Perikanan dan Sains Makanan, Dr. Shahreza Md Sheriff sebagai penerima Anugerah Akademik Negara dalam kategori Anugerah pengajaran (kelompok sains gunaan).

Kemenangan tersebut diraih dalam Majlis Anugerah Akademik Negara ke-13 yang telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 29 Oktober 2019 bertempat di Hotel Palace of the Golden Horses, Serdang, Selangor.

Dalam kategori Anugerah Pengajaran ini, antara komponen yang dinilai merangkumi falsafah pengajaran dan pembelajaran, strategi, kreativiti dan inovasi, serta testimonial

pengajaran. Turut menjadi penanda ukur ialah penambahbaikan pengajaran/penyeliaan dan pembangunan professional serta kesarjanaan dalam bidang yang diceburi.

Beliau membawa pulang hadiah wang tunai RM50,000.00, piala dan sijil penghargaan daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian pendidikan Malaysia. AAN ke-13 turut menobatkan Prof. Emeritus Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid sebagai penerima anugerah Tokoh Akademik Negara.

AAN yang mula diperkenalkan pada tahun 2016 merupakan pengiktirafan tertinggi kerajaan kepada cendekiawan yang telah mengharumkan nama negara dalam pelbagai bidang.

Penerbit UMT Lancar Empat Judul di Frankfurt

Oleh: Nazarudin Othman
Azeeha Ibrahim
Penerbit UMT

Penerbit UMT telah melancarkan empat judul penerbitan bersempena dengan Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt yang berlangsung pada 16 hingga 20 Oktober 2019.

'Keropok Lekor Terengganu (Edisi Bahasa Jerman)', 'Ulik Mayang Warisan Terengganu (Edisi Bahasa Jerman)', 'Tasik Kenyir Warisan Budaya Komuniti Peribumi (Edisi Bahasa Jerman)' dan 'Dua Pesisir: Antologi Cerpen Malaysia-Indonesia' menjadi buah tangan Penerbit UMT yang dilancarkan bersama-sama 12 judul lain terbitan anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

Pelancaran disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik di Goethe University, Frankfurt. Penerbit UMT diwakili oleh Prof. Dato' Dr. Noraien Mansor menyertai delegasi Malaysia yang turut hadir ke pesta dagangan buku terbesar di dunia itu.

Tiga buah buku yang diterjemah ke dalam bahasa Jerman menonjolkan keunikan yang ada di negeri Terengganu. Keropok lekor Terengganu tidak asing lagi di mata masyarakat Malaysia tetapi dengan adanya terjemahan bahasa Jerman bagi buku Keropok lekor ini dijangka akan menarik minat lebih ramai masyarakat Jerman untuk mengetahui tentang keropok lekor.

'Ulik Mayang Warisan Terengganu' dan 'Tasik Kenyir Warisan Budaya Komuniti Peribumi' merupakan salah satu warisan dan keistimewaan yang ada di negeri Terengganu untuk diketengahkan kepada masyarakat Jerman.

'Dua Pesisir: Antologi Cerpen Malaysia-Indonesia' pula mengumpulkan karya sasterawan dari Malaysia dan Indonesia. Antologi cerpen ini diterbitkan hasil kerjasama antara Yayasan Pustaka



Obor Indonesia, Penerbit UMT dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) Judul ini menjadi terbitan pertama oleh Penerbit UMT berkolaborasi dengan penerbit dari Indonesia.

Satu perjanjian persefahaman juga telah dimeterai antara ITBM dengan Cengage Learning Asia Pte.Ltd. Melalui perjanjian ini, ITBM dan Cengage akan berkolaborasi dengan beberapa



1. *Dr. Maszlee menandatangani plak pelancaran judul-judul terbitan anggota MAPIM.*
2. *Prof. Dato' Dr. Noraien menandatangani perjanjian persefahaman bersama dengan Cengage Learning Asia Pte.Ltd.*

ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia bagi penerbitan buku. Penerbit UMT tidak ketinggalan untuk turut serta bagi usaha sama ini sebagai langkah memperbanyakkan koleksi penerbitan.

Selain pelancaran buku dan sesi pemeteraian memorandum persefahaman, turut berlangsung sesi perbincangan bersama De Marque Inc., syarikat dari Kanada yang bakal memasarkan 250 e-book UMT di pasaran antarabangsa.

Pelancaran buku dan penyertaan di Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt pada kali ini diharapkan dapat mewujudkan rangkaian kolaborasi antara Penerbit UMT bersama penerbit antarabangsa bagi menghasilkan penerbitan yang lebih berkualiti dan mengikut kehendak pasaran. Di samping itu, mengangkat status Malaysia khususnya Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia pada tahun hadapan.

L'ORÉAL-UNESCO for Women in Science iktiraf Saintis UMT

oleh: Prof. Madya Dr. Wan Iryani Wan Ismail
Fakulti Sains dan Sekitan Marin

Anugerah *L'Oréal-UNESCO for Women in Science* (FWIS) merupakan satu penganugerahan tahunan berprestij yang telah dijalankan sejak 14 tahun yang lalu. Ia diterajui oleh Yayasan L'Oréal bagi menyokong usaha memartabatkan saintis wanita di seluruh dunia. Sehingga kini, hanya 29% daripada bilangan saintis di seluruh dunia adalah wanita. 11% daripada jumlah saintis wanita ini memegang jawatan pentadbiran utama dan hanya 3% merupakan pemenang Hadiah Nobel. Menyedari hasrat ini, Yayasan L'Oréal telah bekerjasama dengan *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) bagi mengetengahkan isu kesamarataan jantina dalam bidang sains, pendidikan dan kepimpinan. Sehingga kini, seramai 3,100 orang saintis wanita dari 117 negara seluruh dunia telah ditonjolkan oleh *L'Oréal-UNESCO for Women in Science* (FWIS) sejak 20 tahun yang lalu. Usaha yang berterusan dan komitmen yang tinggi ini telah membuka lebih banyak ruang dan peluang kepada saintis wanita seluruh dunia termasuk Malaysia untuk menyumbang lebih banyak kepakaran mereka dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Prof. Madya Dr. Wan Iryani Wan Ismail dari Fakulti Sains dan Sekitan Marin (FSSM), bersama dua orang lagi pemenang telah



terpilih untuk menerima anugerah ini daripada pencalonan dan pemohonan seramai 193 orang dari seluruh Malaysia bagi tahun 2019. Untuk penganugerahan *L'Oréal-UNESCO for Women in Science* (FWIS) 2019 ini, Prof. Madya Dr. Wan Iryani Wan Ismail telah mencadangkan kajian pengawalan berat badan berlebihan dengan menggunakan madu lebah dan kelulut asli. Berdasarkan kajian yang dibuat mengenai madu sejak tahun 2010, beliau telah mendapati bahawa madu asli dapat memberi pelbagai manfaat kesihatan seperti mengawal kadar gula selain menurunkan kadar kolesterol, berat badan berlebihan dan kadar stress serta berpotensi membunuh sel-sel kanser. Yang menariknya, kesan kebaikan tersebut dapat diperolehi melalui pengamalan madu asli. Manakala penggunaan



madu tiruan tidak memberi sebarang khasiat perubatan malah boleh memudaratkan kesihatan.

Melihat kepentingan penemuan ini yang boleh memberi kesan kepada pengguna madu serta industri madu lebah dan kelulut asli di Malaysia, Prof. Madya Dr. Wan Iryani telah berkongsi penemuan tersebut dengan pelbagai pihak berkuasa seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Genom Malaysia (MGI), Jabatan Standard Malaysia (JSM), Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan pelbagai NGO, koperasi serta persatuan seperti Gabungan Persatuan Usahawan Kelulut Malaysia (PUKM), Persatuan Lebah Kelulut Terengganu (PELEKAT) dan Akademi Kelulut Malaysia (AKM) termasuk juga sebilangan usahawan dan orang ramai.

Dr. Wan Iryani juga telah telah berjaya menghasilkan dokumen standard pertama, *MS2683:2017* untuk menguji kualiti dan ketulenan madu kelulut dalam negara. Dalam masa yang sama, beliau telah diamanahkan oleh MOA untuk mengetuai penghasilan buku *Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030* bagi pelan strategik dan tindakan untuk membangunkan industri kelulut Malaysia dalam tempoh 10 tahun ke hadapan. Perancangan ini diharapkan dapat merancakkan industri ini ke tahap yang lebih tinggi di samping dapat membantu menambahkan pendapatan penternak yang terdiri daripada orang kampung, individu-individu berpendapatan rendah, ibu-ibu tunggal dan sebagainya serta dapat memberi lebih banyak pilihan madu asli dalam pasaran tempatan, membanteraskan pengeluaran dan penjualan madu tiruan dan seterusnya menaikkan ekonomi negara dengan memperkenalkan madu lebah dan kelulut tempatan asli sebagai komoditi baharu negara.

Penerbit UMT Teroka Pasaran Indonesia

oleh:

Mohamad Shahrul Azrin Mohamad Rafi
Penerbit UMT

Indonesia International Book Fair (IIBF) merupakan sebuah pesta buku berskala besar yang diadakan secara tahunan melalui penganjuran oleh Ikatan Penerbit Indonesia (IKAPI). Sejak mula penganjurannya pada tahun 1980, IIBF berperanan sebagai medan pertemuan dan interaksi antara penggemar buku, penulis serta pihak penerbitan.

Pesta buku yang berlangsung di Jakarta Conventional Centre Senayan (JCC Senayan) selama empat hari iaitu bermula 4 hingga 8 September 2019 ini melibatkan penulis dan syarikat-syarikat penerbitan terkemuka dari 20 buah negara.



Perasmian IIBF 2019 pada 4 September telah disempurnakan oleh Gubernur DKI Jakarta, Anies Rasyid Baswedan. Beliau yang juga merupakan mantan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia berkata, IIBF 2019 ini diharap mampu meningkatkan budaya celik huruf dalam kalangan masyarakat.

Menurut Rosidayati Rozalina, Ketua Umum IKAPI, acara yang telah menjadi agenda tahunan pertubuhan tersebut bukan hanya melibatkan pameran dan penjualan buku semata-mata tetapi juga menyediakan aktiviti-aktiviti lain seperti bual bicara, perbincangan ilmiah dan pertukaran hak cipta yang mampu mewujudkan interaksi antara peserta sama ada dari dalam mahupun luar Indonesia.

Menurut beliau lagi, dengan bertemakan “Empowering Creative People in Creative Way”, penganjuran IIBF kali ke-39 ini berfokus ke arah menjana tahap kekreatifan individu kreatif melalui media penulisan.

Penerbit UMT selaku tunjang penerbitan UMT, turut sama hadir sebagai salah sebuah syarikat penerbitan Malaysia yang memeriahkan acara antarabangsa tersebut. Sebanyak sembilan buah hasil penerbitan Penerbit UMT seperti *Beautiful Terengganu* dan *Legasi Lebah Dan Kelulut* dipromosikan dan dipasarkan di IIBF 2019. Penyertaan penganjuran IIBF kali ini mampu menjadi medium promosi dan pengenalan Penerbit UMT di peringkat antarabangsa khususnya di Indonesia.



1. Prof. Dato' Dr. Noraien Mansor bersama wakil-wakil penerbit Malaysia di Indonesia International Book Fair 2019.
2. Antara buku yang diterbitkan oleh Penerbit UMT yang dipromosikan di IIBF 2019.
3. Majlis perasmian IIBF 2019 yang disempurnakan oleh Gubernur Jakarta, Anies Rasyid Baswedan.



Penerbit UMT Pikul Misi Pengantarabangsaan Penerbitan

Oleh:

Azeeha Ibrahim
Nazarudin Othman
Penerbit UMT

Seksyen Pemasaran dan Pengantarabangsa Penerbit UMT telah menghadiri China-Malaysia Copyright Business Matching Conference 2019 bertempat di Sheraton Imperial Kuala Lumpur. Pasukan pengantarabangsaan ini diketuai oleh Pengarah Penerbit UMT, Prof. Dato' Dr. Noraien Mansor bersama empat orang Pegawai Penerbitan

Persidangan selama sehari yang berlangsung pada 5 November 2019 ini melibatkan lebih 60 penerbit dari China dan Malaysia yang memberi fokus kepada dagangan hak cipta bahan terbitan terpilih. Judul-judul yang dibawa merangkumi pelbagai genre fiksyen dan bukan fiksyen seperti novel, judul kanak-kanak, judul ilmiah, serta judul sejarah dan kebudayaan.

Dua buah buku terbitan Penerbit UMT, Beautiful Terengganu (Edisi Bahasa Mandarin) dan Etnik Cina Asal Sengsara Kini Selesa turut menarik minat para penerbit China ketika sesi jaringan penerbitan berlangsung.

Penerbit UMT memandang ke hadapan dengan melebarkan Kolaborasi dan dagangan hak cipta bersama penerbit luar seperti China bagi menaikkan lagi standard penerbitan buku di UMT. Langkah ini



dilaksanakan dengan mengambil kira trend pasaran buku tempatan yang semakin berkembang.

Sememangnya, penerokaan pemasaran penerbitan buku perlu dilaksanakan oleh penerbit universiti dengan lebih agresif lagi. Hal ini kerana, buku-buku yang berkualiti tidak hanya hidup dalam pasaran nasional sahaja, tetapi mampu menjangkau ke peringkat global.

Kerjasama dan dagangan hak cipta ini juga bukan hanya menguntungkan penerbit sahaja, tetapi ia turut memberi nilai tambah kepada pengarang buku untuk mencipta nama dan terus menghasilkan karya-karya yang lebih bermutu bersesuaian dengan bidang kepakaran masing-masing. Hal ini akan menjadi asas penting untuk menarik minat penerbit luar seperti China untuk membeli hak cipta sesebuah buku untuk dipasarkan di negara mereka.

Oleh itu, usahasama dengan penerbit dari negara China ini menjadi matlamat utama untuk diketengahkan sejajar dengan aspirasi Penerbit UMT untuk mengantarabangsakan penerbitan.

“ Pihak penerbit Universiti perlu membuat lebih banyak kerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk membawa judul akademik ke pasaran luar negara”

*Presiden Persatuan Penerbit Malaysia (MABOPA),
Arief Hakim Sani Rahmat*

“ Kita perlu cuba sesuatu yang baharu. Hasil penerbitan perlu dipelbagaikan dengan cara belian hak cipta serta kolaborasi penerbit luar. Hak cipta kita juga boleh dijual sekali gus membawa nama Penerbit UMT ke peringkat antarabangsa”

*Pengarah Penerbit UMT,
Prof. Dato' Dr. Noraien Mansor*



Sesi rundingan dagangan hak cipta dijalankan bersama penerbit dari China

JSSM Terima Anugerah Jurnal Berpotensi Crème 2019

Oleh: Amera Hanna Mohd Tajuddin
Nurul Ain Mohd Noor
Penerbit UMT



Journal of Sustainability Science and Management (JSSM), jurnal terbitan Penerbit UMT telah dipilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai salah satu jurnal yang diiktiraf berpotensi Crème pada 5 November 2019. Anugerah ini adalah hasil kerjasama Pusat Sitasi Malaysia, Elsevier dan Clarivate Analytics. Pengiktirafan Jurnal Crème ini membantu jurnal ilmiah di Malaysia untuk meningkatkan prestasi, kualiti dan menjadikannya jurnal berimpak tinggi agar ianya setanding jurnal antarabangsa dan menjadi rujukan utama di peringkat global.

Program pengiktirafan ini diberi untuk tempoh satu tahun dan pada masa ini, jurnal ini bertanggungjawab untuk memastikan bahawa penggunaan insentif yang diterima dimanfaatkan

untuk peningkatan mutu dan kelestarian jurnal dan juga pengemaskinian laman sesawang dari semasa ke semasa. Justeru, dalam tempoh ini, pihak sidang editorial jurnal yang diketuai oleh Prof. Dr. Mohd Ikhwanuddin Abdullah selaku Ketua Editor serta Prof. Madya Ts. Dr. Lam Su Shiung, Timbalan Ketua Editor dan juga Prof. Dr. Aziz Ahmad, selaku Editor Pengurusan jurnal, merupakan tunjang utama yang memimpin ahli editor bersekutu serta editor pentadbiran agar jurnal ini kekal cemerlang dalam menghasilkan terbitan yang berkualiti dan bermanfaat kepada semua.

JSSM telah mula diterbitkan pada tahun 2006 dan pada tahun 2009, jurnal ini telah mendapat pengiktirafan Scopus oleh Elsevier. Pada ketika



ini, jurnal ini telah diketuai oleh Prof. Emeritus Dr. Mohd Azmi Ambak dan pada tahun 2014, jurnal ini telah diterajui oleh Prof. Dato' Dr. Mohd Tajuddin Abdullah. Ketika peralihan ini, h-index jurnal ini ialah 3 dan seurus pertukaran Ketua Editor yang terkini, h-Index jurnal ini berjaya ditingkatkan kepada 11 pada awal tahun 2019. Antara pembaharuan lain termasuklah penghasilan Jurnal Terbitan Khas dan Monograf, pelantikan Editor Bersekutu dari universiti selain UMT, pengenalan kepada gambar utama (featured photos) pada setiap keluaran jurnal dan juga laman media sosial jurnal telah mula diaplikasikan bagi meningkatkan keterlihatan jurnal ini dalam kalangan orang awam.

Antara pencapaian jurnal ini ialah pada tahun 2018, JSSM telah diiktiraf sebagai jurnal *Web of Science* melalui *Zoological Record* oleh Clarivate Analytics. Walaupun ia hanya merupakan pangkalan data khusus, namun, jurnal ini kian menghasilkan artikel-artikel yang berjaya memberi impak yang positif kepada para penyelidik dan mahasiswa di rantau ini. Salah satu artikel terbitan jurnal ini juga telah menjadi rujukan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menghasilkan artikel pilihan mereka bertajuk 'Forensik Databank DNA Malaysia'. Justeru, jurnal ini akan terus berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan sepenuhnya oleh *Web of Science* pada masa akan datang dan menjadi jurnal yang berimpak tinggi setanding jurnal-jurnal lain di peringkat global.

1. Prof. Dr. Mazlan Abd. Ghaffar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mhd Ikhwannuddin Abdullah dan Tuan Haji Abu Hassan bin Ghazali, Ketua Pustakawan bergambar usai menerima anugerah.
2. Prof. Dr. Mhd Ikhwannuddin Abdullah, Ketua Editor JSSM bersama anugerah yang diterima.
3. Prof. Dr. Mhd Ikhwannuddin Abdullah, Ketua Editor JSSM menerima anugerah yang disampaikan oleh Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi.
4. Penarafan JSSM sebagai Jurnal Berpotensi Crème.

UMT Dinobatkan Johan Anugerah IPT Bebas Denggi

oleh:

Nur Azima Binti Mat zin

Nurul Hazwani Binti Mohd Mazlan



Pada 28 Julai 2019, UMT telah dinobatkan Johan Keseluruhan bagi Anugerah Institusi Pengajian Tinggi Bebas Denggi 2019. Anugerah ini telah disampaikan oleh Menteri Kesihatan Malaysia, Dato' Seri Dr. Dzulkefly Ahmad sempena Majlis Perasmian Konvensyen COMBI, Hari Denggi ASEAN dan Anugerah IPT Bebas Denggi yang berlangsung di D Hotel, Sri Iskandar, Perak.

UMT telah memenangi dua kategori utama dalam pertandingan ini, iaitu Pemenang Kategori Penglibatan Pengurusan Universiti Terbaik dan Johan Anugerah Institusi Pengajian Tinggi Bebas Denggi 2019. Masing-masing membawa pulang wang tunai RM 2000 dan RM 5000 berserta bahan pameran.

Sebagai tanda penghargaan bersempena kemenangan UMT menjuarai IPT Bebas Denggi 2019 ini, Pusat Kesihatan Universiti (PKU) telah mengadakan majlis apresiasi dan kesyukuran kepada semua jawatankuasa dan warga yang telah terlibat pada 24 Oktober 2019 bertempat di Sanggar Siswa, UMT.

Pertandingan IPT Bebas Denggi 2019 merupakan penganjuran kali kedua oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bersama

Kementerian Pendidikan Malaysia, serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Taklimat awal pertandingan telah diadakan pada 18 Mac 2019 dan pelaporan aktiviti pencegahan Denggi perlu dihantar sebelum 15 Mei 2019. UMT telah tersenarai dalam 11 terbaik saringan pelaporan yang telah dihantar dan sesi penjurian lapangan dari pihak penganjur telah diadakan pada 18 Jun 2019 di UMT.

UMT melalui PKU telah merangka pelbagai program pencegahan Denggi saban tahun. Antara aktiviti adalah gotong-royong di setiap PTJ dan juga bersama komuniti berhampiran Kolej Kediaman, *Preventive Fogging*, pendidikan kesihatan dan kempen-kempen kesedaran secara berkala melibatkan seluruh PTJ dan juga Kolej Kediaman. Aktiviti ini penting bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga UMT dari semasa ke semasa. Semoga usaha-usaha pencegahan Denggi tidak terhenti setakat ini sahaja. Langkah dan pencegahan pembiakan nyamuk aedes perlulah sentiasa dilaksanakan setiap minggu oleh seluruh warga agar tiada kes denggi dicatatkan di UMT dan memastikan UMT kekal sebagai IPT bebas denggi.

Penyelidikan Translasiional Tingkat Populasi Udang Galah

Oleh:

Prof. Dr. Mhd Ikhwanuddin Abdullah

En. Rohisyamuddin Othman

Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan

Pelepasan Benih bagi Pemuliharaan dan Peningkatan Stok Populasi Udang Galah di Terengganu telah diadakan di NR D, Nyatoh, Setiu pada 18 September 2019. Projek penyelidikan translasiional ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMT, Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar dan turut dihadiri oleh pegawai utama UMT, pegawai kanan UMT dan Ahli Parlimen Setiu, Haji Shahrizukir nain Abd Kadir. Penglibatan agensi-agensi kerajaan juga dapat dilihat dengan kehadiran wakil Jabatan Perikanan Malaysia, Pejabat Daerah dan Pentadbir Tanah Setiu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Terengganu dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu serta komuniti setempat.

Pada majlis tersebut sebanyak 40,000 ekor anak benih udang telah berjaya dilepaskan ke Sungai Nyatoh sebagai simbolik perasmian. Program Pelepasan Benih bagi Pemuliharaan dan Peningkatan Stok Populasi Udang Galah di Terengganu adalah kesinambungan daripada Projek Fasa 1: "Pemantauan Stok Semula Jadi Populasi Udang Galah di Terengganu". Projek Fasa 1 adalah juga melalui geran Projek Penyelidikan Translasiional di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelepasan benih udang galah ke Sungai Nyatoh ini menggunakan Induk Udang Galah daripada Sungai Nyatoh yang ditandai dengan Penanda Biologi (Biomarker) dan pembenihannya dihasilkan di Hatcheri Institut



Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP). Penggunaan Penanda Biologi dalam program pelepasan benih udang galah ini juga merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia.

Sungai Nyatoh dipilih berdasarkan hasil kajian melalui Usaha Per Unit Tangkapan (Catch Per Unit Effort, CPUE) yang telah dijalankan sebelum ini melibatkan tiga sungai utama di Terengganu iaitu Sungai Terengganu, Sungai Paka dan Sungai Nyatoh. Kumpulan penyelidikan AKUATROP ini telah diketuai oleh Prof. Dr. Mhd. Ikhwanuddin Abdullah. Menyedari hakikat populasi udang galah yang semakin berkurangan pihak UMT telah bersetuju meneruskan fasa 2 untuk tempoh dua tahun mulai April 2019 sehingga Mac 2021 dengan jumlah geran sebanyak RM300,000.00.

Sepanjang tempoh projek ini dilaksanakan, sebanyak 1,000,000 benih udang galah akan dilepaskan secara berperingkat di beberapa lokasi yang telah dikenal pasti di sepanjang Sungai

Nyatoh. Program ini melibatkan 5 kali pelepasan yang mana setiap kali pelepasan sebanyak 200,000 ekor anak benih udang galah yang mempunyai Penanda Biologi dilepaskan di Sungai Nyatoh.

Melalui program ini, latihan teknikal berkaitan dengan pembenihan udang galah akan diberikan kepada komuniti dan penduduk setempat yang terpilih dan berminat untuk menyertai kursus pembenihan udang galah. Program ini juga melibatkan sangkutan peserta di Hatcheri AKUATROP untuk melaksanakan aktiviti pembenihan udang galah.

Projek pelepasan benih ini adalah sangat penting dilakukan bagi meningkatkan stok populasi dan memastikan pengurusan sumber udang galah yang mapan dilaksanakan di Sungai Nyatoh, Setiu, Terengganu. Diharapkan melalui projek ini ia akan menjadikan AKUATROP khususnya dan UMT amnya sebagai peneraju utama di dalam usaha pemuliharaan dan peningkatan stok populasi udang galah secara sistematik di Malaysia.





Tasik Kenyir Himpun Pakar Burung Universiti Terkemuka

Oleh: Dr. Elia Syarafina Abdul Shakur
Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari

Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari (BIO-D TROPIKA), UMT telah menganjurkan program '*Tasik Kenyir Birding and Wildlife*'. Program ini yang julung kali diadakan disertai oleh 10 orang pakar burung yang terdiri daripada pensyarah dan felo penyelidik daripada pelbagai universiti terkemuka iaitu Cambridge University, Mississippi University, Harvard University, Australian National University dan Hawai'i University.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang tatacara

kerja lapangan yang dijalankan oleh pensyarah, penyelidik, pelajar dan staf-staf sokongan oleh institut dan fakulti UMT dalam penyelidikan dan juga pemuliharaan biodiversiti di Tasik Kenyir. Taklimat program telah disampaikan oleh En. Wong Chee Ho sebelum memasuki laluan trek '*Bird-watching*' di Pusat Penyelidikan UMT Tasik Kenyir.

Antara aktiviti-aktiviti menarik yang dijalankan adalah seperti penanaman pokok, pengenalan flora 'bunga rafflesia', aktiviti '*nightwalk*' di Air Terjun Sungai Buweh bagi



1. Sesi taklimat ringkas oleh Dr. Amirudin Ahmad
2. Aktiviti Bird-watching dan penerangan oleh En. Wong Chee Ho dan En. Mazrul Aswady Mamat
3. Aktiviti penanaman pokok



pengenalan amfibia dan reptilia, aktiviti rekreasi di air terjun dan santuari kelah serta cara pemakaian kain batik.

Program ini dapat menggalakkan kolaborasi penyelidikan dan perkongsian pintar antara peserta dan secara tidak langsung dapat memperkenalkan nama UMT di mata dunia. Program ini merupakan satu pengalaman yang sangat berharga bagi para peserta kerana dapat

melihat spesies burung di Malaysia yang sukar didapati di kawasan mereka seperti burung enggang. Semoga program seperti ini dapat dijalankan pada masa akan datang agar dapat memperluaskan lagi kepakaran ilmu kelautan, akuatik dan biodiversiti ke peringkat global.

Pensyarah UMT Giat Promosi Senarai Merah Kulat Asia Tenggara Ke Serata Benua

Oleh Dr. Andrew A. Ngadin
Laboratory for Pest, Disease and Microbial Biotechnology (LAPDiM),
Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM)



Salah satu spesies, *Calostoma insignis* yang sedang dalam proses penilaian oleh pihak IUCN untuk dimasukkan dalam senarai merah.

Kesedaran mengenai pemuliharaan kulat di Asia Tenggara adalah masih berada di peringkat rendah dalam kalangan mikologi dan saintis berbanding di negara Eropah, Amerika dan Benua Australia atau Oseania. Hal ini telah dibincangkan oleh Dr. Andrew Anak Ngadin, pensyarah UMT bersama Dr. David Minter daripada *Centre for Agriculture and Bioscience International*, UK dan Dr. Gregory M. Mueller daripada *Chicago Botanic Garden*, USA pada tahun 2014 di Turki.

Kini usaha untuk memperkenalkan senarai merah kulat yang jarang dibincangkan oleh

negara di Asia Tenggara telah bermula pada tahun 2018 di Virginia, Amerika Syarikat di mana 10 spesies telah dicadangkan. Baru-baru ini penganjuran bengkel di Sarawak juga telah berjaya menarik perhatian peserta dari Asia Tenggara.

Dalam bengkel ini, beberapa spesies telah dicadangkan dan kesemua hasil penilaian spesies menggunakan kriteria dan kategori IUCN telah dibentangkan di beberapa negara di Melbourne di Australia, *Black Forest National Park* serta *Marburg University* di Jerman, *Singapore Botanic Gardens* di Singapura dan Mie di Jepun. Usaha



2

peluang kepada Dr. Andrew Anak Ngadin untuk membincangkan serta membentangkan beberapa spesies kulat Asia Tenggara kepada beberapa pihak seperti NGO, kakitangan Taman Negara, agensi yang mengurus serta terlibat dalam pemuliharaan kulat, pembuat polisi dan ahli politik. Ini telah memberi impak yang tinggi kepada Malaysia kerana hanya satu-satunya spesies asalnya direkod di Malaysia serta spesies yang jarang dijumpai telah diterbitkan di *International Union for Conservation Nation (IUCN)*.

mempromosi senarai merah dan pemuliharaan spesies kulat dilakukan sepanjang tempoh Ogos sehingga Oktober 2019 ini telah mendapat perhatian daripada saintis di Asia.

Di Australia, penganjuran bengkel *Australasian Fungi Red List* di *Royal Botanic Gardens Victoria*, Melbourne telah memberi

Setakat ini hanya satu spesies untuk Malaysia and tiada spesies senarai merah kulat daripada negara lain di Asia Tenggara. Selain itu, tiga spesies untuk Malaysia sedang dalam proses untuk dipertimbangkan oleh pihak IUCN hasil daripada perbincangan di Melbourne.

Taman Negara *Black Forest* di Jerman adalah merupakan satu-satunya taman negara yang sangat popular di Eropah. Prof. Dr. Gehard Kost



daripada University of Marburg dan Dr. Flavius Popa daripada Taman Negara *Black Forest* telah menjemput beberapa saintis mikologi di Jerman dan Dr. Andrew Anak Ngadin adalah merupakan penyelidik UMT yang telah dijemput untuk membentangkan hasil penilaian senarai merah kulat Asia Tenggara di Taman Negara *Black Forest*. Usaha untuk bekerjasama seperti pemindahan staf dan projek penyelidikan juga telah dibincangkan semasa ekspedisi mikologi dijalankan di Taman Negara tersebut.

Semasa berada di Taman Negara *Black Forest*, saintis daripada Jerman telah mengecam hampir 400 spesies untuk diterbitkan sebagai koleksi taman negara tersebut. Ini adalah usaha pertama kali dibuat oleh pihak taman negara dan banyak lagi program berkaitan mikologi akan dilaksanakan. Selain itu, Prof. Dr. Gerhard Kost juga merupakan kolaborator yang telah membantu proses pengecaman spesies kulat di Asia Tenggara.

Perbincangan di Singapura adalah bertujuan untuk bekerjasama menjalankan projek senarai merah kulat dan aktiviti pemuliharaan. *Singapore Botanic Gardens* (SBG) telah bersetuju untuk menjadi pusat

penyimpan sampel kulat di bilik herbarium SBG untuk koleksi Asia Tenggara. Ekspedisi mikologi di Taman Negara Gunung Mulu yang akan dianjurkan pada bulan December 2019 akan bekerjasama dengan pihak SBG. Banyak aktiviti penyelidikan akan dibuat bersama penyelidik SBG dan *National University of Singapore* (NUS).

Selain itu, bengkel dan seminar senarai merah kulat juga telah dianjurkan semasa *Asian Mycological Congress 2019* (AMC) di Mie, Jepun. Pihak penganjur memberi ruang kepada kumpulan Asia Tenggara dan Oseania untuk memberi pendedahan kepada peserta yang berminat. Hasil daripada bengkel dan seminar ini, beberapa peserta daripada Asia dan Eropah berminat untuk menyertai bengkel yang akan dianjurkan pada tahun 2020 di Thailand.

Usaha untuk mempromosi senarai merah kulat masih diperlukan untuk meningkatkan bilangan spesies dalam senarai merah kulat di Asia Tenggara. Langkah ini penting kerana melalui senarai merah ini, para saintis dapat menjalankan projek pemuliharaan dan pelaksanaan polisi baru yang masih tidak diberi perhatian daripada pihak kerajaan serta masyarakat awam untuk melindungi kulat daripada terancam.

1. *Proses pengecam kulat menggunakan mikroskop di Taman Negara Black Forest di Jerman bersama ahli penyelidik daripada pelbagai agensi dan Universiti.*
2. *Bengkel yang diadakan di Royal Botanic Gardens Victoria, Melbourne yang disertai oleh beberapa peserta dari New Zealand, USA, Sweden, Malaysia, Australia.*
3. *Bengkel yang diadakan di Mie semasa penganjuran Asian Mycological Congress 2019 (AMC) di Jepun.*

Ekspedisi Sainifik Jelajah Taman Negara Pahang Sungai Relau


Oleh:

Dr. Elia Syarafina Abdul Shakur

Dr. Norhayati Ab Manaf

En. Muhammad Syahrudin Abdul Rashid

Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari




Ekspedisi Sainifik Taman Negara Sungai Relau, Merapoh (UMT- PERHILITAN 2019) dianjurkan bersama oleh Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari (BIO-D TROPIKA), UMT dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia. Ekspedisi ini telah berlangsung pada 12 hingga 16 September 2019 yang diketuai Dr. Amirrudin Ahmad dan dirasmikan oleh Pengarah BIO-D TROPIKA, Prof. Dato' Dr. Mohd Tajuddin Abdullah:

Ekspedisi ini diadakan bertujuan untuk menjalankan penyelidikan saintifik di Taman Negara Sungai Relau, Merapoh, Pahang, menjalankan kajian komuniti setempat dan komuniti Orang Asli, meneroka kawasan laluan

rentis Taman Negara Sungai Relau yang jarang dimasuki penyelidik sebelum ini, melatih penyelidik muda menjalankan penyelidikan dan kajian lapangan dan menghasilkan penerbitan buku dan jurnal terindeks.

Seramai 54 orang peserta yang terlibat dalam ekspedisi ini iaitu 10 orang penyelidik, 32 orang staf dan pelajar, 7 orang urus setia BIO-D TROPIKA dan 5 orang daripada Malaysia Rainforest Station (MRS). Peserta ekspedisi terdiri daripada BIO-D TROPIKA, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, UMT dan Malaysia Rainforest Station (MRS). Mereka terdiri daripada pelbagai bidang iaitu bidang sains



(kajian biodiversiti-flora dan fauna) dan bidang sains sosial (komuniti dan ekonomi).

Program dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh staf PERHILITAN. Para peserta telah diberikan penerangan mengenai aspek keselamatan dan laluan yang bakal digunakan. Sebanyak empat stesen telah ditetapkan untuk pengambilan sampel dan kajian iaitu Rentis Palas, Air Terjun Sg. Kelam, Gua Gajah, Santuari Kelah Sg. Relau dan Kuala Juram. Kesemua stesen ini terletak di sepanjang laluan ekspedisi dengan anggaran perjalanan pergi dan balik sejauh 18 kilometer dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda.

Ekspedisi saintifik ini memberi peluang kepada pensyarah dan para pelajar bidang sains untuk menjalankan kerja lapangan yang merangkumi pengambilan sampel, pengukuran serta penggunaan alatan.

Pengambilan sampel dan pengukuran telah dibuat di semua stesen terlibat. Antara sampel-sampel yang diambil adalah daripada tumbuhan, lumut, haiwan akuatik/ikan, ular, katak, burung dan kelawar.

Ekspedisi ini turut melibatkan penyelidik dalam bidang sains sosial iaitu menjalankan kajian tinjauan dengan mendapatkan data sekunder dan sesi temu bual bersama pihak Pejabat Daerah dan Tanah Lipis, Pahang, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Ketua Belia, Ketua Kampung dan pihak pemandu pelancong tempatan. Antara data yang diperoleh seperti Pelan Tindakan Khas Pembangunan, statistik kedatangan pelancong, data pembangunan daerah, maklumat kebudayaan, ekopelancongan dan maklumat sejarah.

1. Peta laluan rentis Taman Negara Pahang Sungai Relau, Merapoh.
2. Pengukuran sampel kelawar.
3. Penggunaan mikroskop bagi kajian sampel lumut.
4. Pengenal sampel tumbuhan.
5. Sampel burung hantu mencuri tumpuan dalam kalangan peserta.

Penyelidikan UMT Buka Lembaran Baharu

Oleh:

Dr Shalela Mohd Mahali

Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik

Sekolah Tunas Bakti (STB) merupakan satu pusat yang menempatkan kanak-kanak dan remaja yang pernah terlibat dengan jenayah dan sukar dikawal. Sebanyak sembilan buah sekolah seumpama ini ditubuhkan di seluruh Malaysia dengan bermatlamat mendidik pelatihnya membina sikap positif, membentuk peribadi yang kukuh serta melengkapkan ketrampilan diri bagi membolehkan mereka hidup berdikari dalam masyarakat. Biasanya tempoh pemulihan adalah selama tiga tahun dan pelepasan awal mungkin diberikan berdasarkan kelulusan daripada lembaga pelawat.

Menyedari keperluan untuk melengkapkan pelatih dengan kemahiran yang mampu menjana pendapatan mereka untuk berdikari apabila keluar kelak, pasukan penyelidik UMT bekerjasama dengan Koperasi Desa Muara Hujung Rintis, Kampung Gajah Berhad untuk membantu pelatih di STB Sungai Besi. Koperasi yang dipilih ini berperanan mewujudkan satu platform peluang pekerjaan dan perniagaan untuk pelatih STB berasaskan ilmu ternakan udang galah. Pengerusinya iaitu En. Jamsari Abdullah tidak lokek memberi khidmat nasihat berkenaan teknik ternakan udang galah terutamanya ternakan di dalam kolam. Teknik yang baik penting untuk keseluruhan proses tumbesaran udang galah. Pihak koperasi turut menyediakan ruang untuk pengambilan udang galah selepas tempoh asuhan di dalam tangki yang dijalankan di STB Sungai Besi.

Projek yang diketuai oleh pensyarah Fakulti Perikanan dan Sains Makanan, Dr. Aidilla Mubarak turut mendapat kerjasama Pengarah, Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP), Profesor Dr. Mhd. Ikhwanuddin, dan pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik, Ts. Dr. Nur Aidya Hanum Aizam. Gabungan bidang sains makanan, akuakultur dan matematik menjadi kekuatan dan keunikan projek ini. Selain melengkapkan peserta dengan ilmu berkaitan penternakan udang galah, projek ini turut menggunakan makanan udang berkualiti dan berkos rendah dengan menggunakan sisa-sisa tanaman yang terbuang yang dicipta sendiri oleh pasukan penyelidik ini. Formula matematik (Optimized Feed Formulation) yang digunakan untuk menghasilkan makanan tersebut telah mendapat pengiktirafan pingat emas di Minggu Penyelidikan Inovasi 2019 (MPI 2019) dan pingat perak di *30th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2019)*.

Projek ini mendapat pembiayaan dana *Knowledge Transfer Assimilation Grant (KTAG)* selama setahun bermula 1 Mac 2019 dan akan berakhir pada 28 Februari 2020. Sebagai permulaan, pada 15 September 2019 yang lalu seramai 18 orang pelatih STB Sungai Besi dibawa melawat ke Hatcheri AKUATROP. Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan secara langsung tentang teknik penghasilan benih udang galah dan teknik ternakan udang galah yang dijalankan di UMT. Lawatan ini sekali gus dapat memupuk minat pelatih-pelatih terpilih untuk menjalankan aktiviti ternakan di STB Sungai Besi.



Seterusnya pada 19 September 2019 satu sesi penyediaan sistem ternakan udang galah dibuat secara bergotong-royong di STB Sungai Besi. Pelatih menunjukkan semangat dan komitmen yang tinggi sepanjang program berlangsung. Sesi ceramah oleh pasukan penyelidik UMT turut dibuat berkaitan teknik ternakan udang galah serta penghasilan dan penggunaan makanan udang galah berformulasi optimal melalui aplikasi sains makanan dan matematik.

Menurut Dr Aidilla, hasil pantauan setakat ini menunjukkan anak udang galah yang dijaga oleh pelatih membesar dengan baik setanding dengan anak udang yang diberikan makanan komersial yang lebih mahal. Selain membuktikan kemampuan dan kelebihan makanan udang hasil ciptaan mereka, beliau yakin projek ini akan dapat membantu menghasilkan usahawan penternak udang galah dalam kalangan pelatih-pelatih ini pada masa hadapan.

1. Pelatih STB Sungai Besi tekun mendengar taklimat ketika lawatan di Hatcheri UMT.
2. Barisan penyelidik UMT bersama pelatih STB Sungai Besi ketika lawatan STB ke UMT.
3. Pelatih STB bergotong royong memasang sistem ternakan udang galah di STB Sungai Besi.
4. Dr Aidilla, Prof. Dr. Mhd. Ikhwanuddin dan Ts. Dr. Nur Aidya melepaskan anak udang galah ke dalam tangki yang disediakan sambil disaksikan oleh pengetua dan pelatih STB Sungai Besi.

Kerjasama UMT-MSU

Perkasa Penyelidikan Bioteknologi

Oleh: Dr. Suzana Misbah & Fatimah Hashim
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin


Kumpulan Penyelidikan Terfokus (RIG) *Biological Security and Sustainability* (BioSES) di bawah Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM) bakal melebarkan sayap ke negara jiran melalui jalinan kerjasama penyelidikan dalam bidang bioteknologi dengan Mahasarakham University (MSU), Thailand. MSU adalah sebuah universiti yang menduduki tangga kesembilan terbaik di Thailand dan mempunyai jaringan kerjasama penyelidikan yang meluas antara penyelidik Thailand dan penyelidik antarabangsa.

Sebagai permulaan, seramai enam orang ahli akademik dari RIG BioSES, FSSM telah terpilih untuk menghadiri program pertukaran staf merangkap sebagai penceramah jemputan di persidangan *The 6th International Conference on Food Agriculture & Biotechnology* (ICoFAB 2019) pada 26 dan 27 Ogos 2019 di Santarat Takasila Convention Hotel, Maha Sarakham, Thailand. Program pertukaran staf ini merupakan persetujuan bersama antara UMT dan MSU bagi membuka ruang perbincangan demi memperkembang dan memartabatkan khazanah ilmu serta memantapkan bidang penyelidikan berasaskan bioteknologi di UMT.

ICoFAB 2019 menampilkan Profesor Dr. Mazlan Abd. Ghaffar sebagai pengucap utama majlis yang disusuli dengan sesi pembentangan kertas kerja oleh staf akademik FSSM yang terdiri daripada enam orang pembentang iaitu Prof. Madya Dr. Mariam Taib, Prof. Madya Ts. Dr. Ma Nyuk Ling, Dr. Hazlina Ahamad Zakeri, Dr. Norhayati Yusuf, Dr. Suzana Misbah dan Dr. Malinna Jusoh. Penyertaan ICoFAB 2019

turut dihadiri oleh peserta antarabangsa dari negara lain termasuk Indonesia, China dan India. Program ini secara tidak langsung telah memperkenalkan UMT di persada antarabangsa dan membuka ruang kerjasama dengan para penyelidik dari luar negara.

Susulan daripada program ini juga, kunjungan balas lima orang delegasi penyelidik dari MSU telah hadir ke Seminar Sekuriti dan Kelestarian Biologi (BIOSES 2019) pada 29 dan 30 Oktober 2019 di Auditorium Kompleks Kuliah Berpusat, UMT. Kehadiran mereka sebagai penceramah jemputan turut diserikan dengan kehadiran empat orang pembentang kertas kerja dari Henan Agricultural University, China dan penceramah jemputan dari Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI), Malaysian Palm Oil Board (MPOB) dan Green World Genetics Sdn Bhd. Seminar yang dipengerusikan oleh Prof. Madya Ts. Dr. Ma Nyuk Ling ini telah berlangsung dengan jayanya menerusi penganjuran bersama dengan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Satu perbincangan telah diadakan pada masa yang sama bagi membincangkan secara terperinci bersama pihak MSU tentang penyelidikan, penulisan buku bersama dan program sangkutan akademik yang bakal dilaksanakan. Dalam kedua-dua konferensi ICoFAB 2019 mahupun BioSES 2019, kedua-dua pihak telah mengadakan lawatan ke beberapa makmal di bangunan MSU (Faculty of Technology) dan Kompleks Makmal Berpusat serta Makmal Akuatrop di UMT untuk meninjau peralatan terkini yang boleh dikongsi bersama bagi tujuan



pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan. Kerjasama penyelidikan antara UMT dan MSU bakal dimeterai dengan perjanjian persefahaman dalam masa terdekat. Menerusi kerjasama ini, kedua-dua buah universiti dapat berkongsi ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam memperkembangkan bioteknologi untuk kelestarian komuniti terutamanya dalam penyelidikan berasaskan agro-industri dan alam persekitaran.

1. *Perbincangan aktiviti penyelidikan bersama di ICoFAB 2019.*
2. *Lawatan ke Faculty of Technology, Maharakham University.*
3. *Lawatan ke makmal di Faculty of Technology, Maharakham University.*
4. *Majlis perasmian pembukaan BioSES 2019.*
5. *Lawatan delegasi MSU ke Makmal Hatcheri Akuatrop sempena BioSES 2019.*
6. *Perbincangan aktiviti MoU di BioSES 2019.*

Mutiara UMT Santuni Komuniti

Oleh: Prof. Madya Dr. Noraida Haji Ali
Kelab MUTIARA, UMT



Program 'Hari Cakna Sihat' bersama warga Bandar Al-Muktafi Billah Shah (AMBS), Dungun telah berlangsung pada 28 September 2019. Program ini dianjurkan oleh BERKAT (Badan Kerja Amal Wanita Profesional Terengganu, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur), kelab MUTIARA UMT (Kelab Wanita Universiti Malaysia Terengganu) dan KETENGAH dengan kerjasama Pusat Kesihatan UMT, PUSPANITA cawangan KETENGAH, Klinik Mata Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu, Klinik Mata Hospital Shah Alam, Klinik Pergigian Daerah Dungun, Unit

Tabung Darah, Hospital Dungun dan Persatuan Optometri Malaysia. Program ini dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Datuk Haji Zulkifli Mohamad.

Di antara pengisian program ini adalah pemeriksaan percuma termasuk pemeriksaan kesihatan am, pemeriksaan mata, dan pemeriksaan gigi. Disamping itu juga, pameran Asasi STEM UMT, Pameran TNB, program derma darah, pertandingan mewarna kanak-kanak dan pertandingan memasak bubur asyura.

Pada kali ini, seramai 368 orang dari



komuniti setempat telah mendaftar untuk menyertai program ini. Daripada jumlah tersebut, 200 orang telah mendapatkan perkhidmatan mata percuma, 100 orang mendapat perkhidmatan am dan 36 orang mendapat perkhidmatan gigi secara percuma.

Program hari cakna sihat ini merupakan acara tahunan anjuran BERKAT yang sebelum ini telah diadakan di Marang, Besut, Teluk Pasu, Merchang,

Telemong dan kali ini di Bandar Al-Muktafi Billah Shah (AMBS). Setelah lima sesi program ini diadakan, seramai 39 orang warga emas telah berjaya dipulihkan penglihatan mata mereka. BERKAT dan MUTIARA sentiasa mencari peluang dan ruang untuk menabur bakti kepada komuniti khususnya di Terengganu ke arah pencapaian matlamat pembangunan modal insan negeri Terengganu menerusi aktiviti ekonomi dan kerja amal.

1. *Pertandingan memasak Bubur Asyura bersama Datuk Haji Zulkifli dan Prof. Dato' Dr.Nor Aieni.*
2. *Pemeriksaan percuma untuk warga AMBS.*
3. *Datuk Haji Zulkifli turut membuat pemeriksaan kesihatan oleh Pusat Kesihatan UMT di program tersebut sambil diperhati oleh Prof. Dato' Dr.Nor Aieni.*

Pelajar UMT Timba Ilmu Pertanian di Bogor

oleh: Dr. Nor Idzwana Mohd Idris
Dr. Ramisah Mohd Shah
Fakulti Perikanan dan Sains Makanan



Tanggal 19 - 30 Ogos 2019, seramai dua orang pelajar Sarjana Muda Agroteknologi (Sains Tanaman) dari Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM), UMT telah terpilih menyertai 'Summer Course on Sustainable Tropical Agriculture and Student Opinion Competition' di Universitas Pertanian Bogor (IPB), Indonesia.

Dengan mendapat pembiayaan Tabung Mobiliti Pelajar bagi kos penerbangan, segala perbelanjaan tempat tinggal, makan minum dan kos pengangkutan adalah ditanggung oleh pihak IPB. Program 'Summer Course' yang dilaksanakan selama 12 hari ini juga disertai oleh 14 peserta lain dari Jepun dan Indonesia. Program ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada



kajian saintifik dalam bidang pertanian yang kini dijalankan terutama di Indonesia dan negara Asia lain serta membuka pandangan dan berkongsi ilmu pengetahuan secara terperinci berkaitan isu-isu semasa dalam pertanian. Selain itu, di akhir program ini pelajar diwajibkan untuk menyertai pertandingan 'Student Opinion Competition' di mana pelajar perlu memberikan pendapat secara saintifik bagaimana menangani permasalahan sektor pertanian moden.

Sepanjang tempoh 12 hari di IPB, pelajar didedahkan dengan adat dan gaya hidup masyarakat di Indonesia menerusi aktiviti yang dilaksanakan di beberapa tempat iaitu di Bogor, Sukabumi, Jakarta, Jawa Barat dan Bandung. Pelajar juga dapat memahami isu-isu yang berbangkit dalam sektor pertanian di Indonesia dan cara mengatasi masalah yang berlaku seperti isu serangan penyakit kelapa sawit dan isu pengurangan produktiviti pertanian.

Selain itu, pelajar dapat mempelajari teknologi yang digunakan di ladang seperti penggunaan dron

di sawah padi dan 'remote sensing' dalam mengesan pengedaran penyakit serta teknik pembiakan varieti baharu bagi tanaman ruji seperti padi dan teknik kawalan perosak di ladang koko. Pelajar juga menimba pengalaman baharu apabila berpeluang menyertai 'The 1st International Conference on Sustainable Plantation' yang dianjurkan oleh Fakulti Pertanian, IPB selama 2 hari yang membincangkan pelbagai kajian saintifik yang dijalankan oleh penyelidik di rantau Asia.

Menerusi program ini, pelajar dapat meluaskan jaringan mereka dengan kenalan baharu serta mempelajari serba sedikit bahasa dan gaya hidup mereka serta membuka minda pelajar. Pelajar juga berpeluang mengetahui hasil ciptaan teknologi-teknologi pertanian terkini dan juga kajian-kajian terkini yang dijalankan di Indonesia. Program seperti ini sangat memberi impak dan semangat kepada peserta supaya lebih berfikir proaktif dan terbuka dalam menangani isu-isu yang berbangkit di masa akan datang.

1. *Lawatan ke Institusi Kajian Tanaman Teh, Kopi dan Padi.*

Mahasiswa UMT Jayakan Program Khidmat Bakti

Oleh: Tengku Nuriah Tengku Abdul Rahman & Shafie Umardi
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi &
Pusat Pembangunan Holistik dan Kokurikulum



Mahasiswa UMT Jayakan Program Khidmat Bakti Bersama Masyarakat Luar Bandar selama tiga hari bermula pada 17 hingga 19 oktober 2019 di Kuala Berang, Hulu Terengganu. Seramai 57 orang pelajar UMT telah ditempatkan bersama 21 keluarga angkat yang terlibat dalam menjayakan program tersebut. Program ini melibatkan Pelajar UMT, staf UMT, agensi kerajaan dan penduduk Kuala Berang yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar untuk memahami dan menyelami kehidupan masyarakat luar bandar di samping

untuk memupuk nilai murni dan semangat berbakti tanpa mengira agama, bangsa dan budaya.

Prof. Ts. Dr. Che Mohd Ruzaidi Ghazali, mantan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UMT berkata, program ini dilaksanakan dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMT (PRS), Persatuan Anak Felda (PERSADA), Kelab Persatuan Mencegah Dadah Malaysia UMT (PEMADAM) dan Angkatan Anak Seni UMT (AKASIA). Pelbagai pengisian program menarik diadakan sepanjang



OPKIM 2019 diadakan termasuklah aktiviti Ziarah Kasih di mana terdapat sepuluh buah keluarga telah terpilih untuk menerima bantuan sumbangan berbentuk keperluan harian seperti beras, gula dan minyak masak.

Bagi meringankan beban yang ditanggung oleh salah seorang pesakit strok, Sulaiman Abdul Razak yang berusia 72 tahun, pihak HEPA telah menyerahkan satu unit kerusi roda berserta wang tunai sumbangan warga UMT kepada beliau.

Sepanjang program berlangsung, penduduk kampung berpeluang menjalani pemeriksaan kesihatan termasuk pergisian secara percuma melibatkan Klinik Kesihatan Kuala Berang dan Pasukan Tabung Darah Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu. Tidak ketinggalan, terdapat juga pameran dari Pasukan Unduk-Unduk (Kuda Laut) UMT, Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat Pertanian Kuala Berang, lukisan mural oleh pelajar UMT dan peraduan mewarna bagi pelajar tadika dan sekolah rendah. Selain itu, aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan

masjid dan pengagihan tong sampah kitar semula bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan penduduk mengenai isu alam sekitar

Sepanjang tiga hari berkampung di sana, pelajar UMT telah mengadakan slot motivasi kepada lebih 50 orang pelajar sekolah rendah dan menengah bagi menyuntik semangat mereka untuk berusaha dan belajar dengan bersungguh-sungguh agar dapat membantu meningkatkan taraf kehidupan keluarga mereka satu hari nanti. Pelajar UMT turut berpeluang mempersembahkan malam kebudayaan agar mereka dapat mempelajari dan mengenali dengan lebih dekat budaya setempat.

Majlis Perasmian OPKIM 2019 telah disempurnakan oleh Ustaz Maliaman Kassim, (Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ajil).

Personaliti TV Al Hijrah Kongsi Pengalaman

oleh: Prof Madya Dr Che Hasniza Che Noh
Pusat Pendidikan Asas Dan Lanjutan



Seiring dengan hasrat kerajaan yang menjalankan inisiatif IR 4.0, bagi memastikan hubungan industri dengan universiti erat dan pelajar belajar seiring dengan kehendak industri, maka Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) telah mengambil inisiatif dengan mengadakan kuliah industri. Kuliah tersebut telah diadakan pada 10 Oktober 2019 bertempat di Auditorium INOS, Universiti Malaysia Terengganu dan dihadiri seramai 190 orang pelajar yang mengambil kursus-kursus Komunikasi dan Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa dan Komunikasi. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Dekan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Prof Dr Aziz Ahmad, Ketua Jabatan Bahasa dan Komunikasi, En Mohammad Mahdi Abas, serta pensyarah-pensyarah PPAL.

Program yang bertujuan untuk mendapatkan perkongsian pengalaman dan kepakaran pihak

industri telah berjaya mencapai objektif yang disasarkan. Dengan menampilkan personaliti yang berkaliber dalam bidang penyiaran dan kewartawanan, Wan Kamarudin Wan Ibrahim, Personaliti TV Al Hijrah, telah memukau audiens untuk mendengarkan bicara beliau yang mesra, bersahaja dan penuh bermaklumat. Beliau telah memulakan kerjaya dalam dunia penyiaran pada tahun 1995 iaitu hampir 25 tahun berpengalaman mengendalikan program-program di TV. Antara penglibatan beliau ialah pernah menjadi pengacara dan penerbit di NTV7, TV1, TV2, ASTRO dan terkini di TV Al Hijrah. Selain itu, beliau juga pernah mendapat anugerah sempena Anugerah Skrin 2007. Kini, beliau merupakan Pengarah Urusan One-to-One View Sdn Bhd, syarikat yang berkaitan dengan penyiaran dan penerbitan TV.



Antara perkongsian beliau ialah tentang perjalanan kerjaya beliau sebagai personaliti TV. Peluang untuk melibatkan diri dalam dunia penyiaran terbuka luas kepada semua graduan dari pelbagai jurusan bidang akademik. Wan Kamarudin Wan Ibrahim merupakan graduan bidang perakaunan (Universiti Teknologi MARA), namun dengan personaliti yang ada pada diri beliau telah membolehkan beliau untuk menceburi dunia penyiaran. Beliau memberi penekanan kepada ciri-ciri tertentu yang perlu ada bagi setiap graduan bagi membolehkan mereka bersaing dalam dunia pekerjaan termasuklah berani mencuba, sanggup bekerja keras, berusaha meningkatkan penghargaan sendiri dan keyakinan diri.

Beliau telah berkongsi beberapa ciri peribadi yang perlu dibina terutamanya bagi persiapan diri untuk menghadapi persaingan dunia pekerjaan.

Antaranya ialah tidak berputus asa serta tidak mudah mengalah sekiranya tidak mendapat sesuatu yang diinginkan. Seorang graduan perlu berani menghadapi kegagalan dan turun naik dalam kehidupan dan kerjaya. Sentiasa berfikir positif serta tidak mudah gentar dengan kutukan dan cacian daripada senior dan mengambil perkara tersebut untuk memperbaiki kelemahan diri ke arah menjadi lebih baik dan menjadikan tekanan sebagai satu dorongan dan pembakar semangat ke hadapan.

Mengenali kelemahan dan kekuatan diri adalah penting untuk mengetahui perkara yang mampu dilakukan dan memberi peluang kepada diri sendiri untuk maju ke hadapan. Berusaha untuk mengatasi masalah penghargaan sendiri rendah dengan cara mencari pengalaman sebanyak yang boleh dan tidak takut mencuba sesuatu yang di luar bidang. Selain itu, manfaatkan segala ruang yang ada dengan



tangkas dan berani mengambil risiko. Amatlah penting untuk seseorang itu sentiasa berusaha meningkatkan diri ke arah mencapai tahap tertentu, dan bekerja dengan seikhlas hati tanpa mengharapkan ganjaran yang tidak munasabah. Selain itu juga, dengan perkembangan dunia digital hari ini, pelajar perlu mengambil peluang dengan memanfaatkan media sosial seperti Facebook dan Instagram untuk meningkatkan keyakinan diri dan pemasaran diri.

Keberkesanan komunikasi memerlukan penguasaan kemahiran dari kedua-dua aspek verbal dan juga bukan verbal. Memiliki pakej lengkap dari aspek penampilan, penyampaian dan ilmu dalam bidang berkaitan adalah antara resepi untuk menjadi personaliti TV yang berjaya. Berpengalaman sebagai pembaca berita TV, beliau

telah menjelaskan tentang perbezaan antara pembaca berita dan penyampai berita. Menjadi penyampai berita bermakna perlu menyampaikan mesej dengan penuh penghayatan termasuklah menggunakan bahasa yang sesuai dan emosi yang secocok dengan topik yang dibicarakan. Misalnya harus membezakan antara penyampaian berita sukan, kemalangan, dan juga hiburan.

Untuk memastikan kelancaran penyampaian, seseorang perlu melakukan persediaan awal seperti membuat latihan di hadapan cermin sebelum tampil di hadapan audiens. Selain itu, sentiasa belajar dari mereka yang berpengalaman, membuat kajian tentang topik yang akan dibicarakan, dan memahami konteks yang ingin disampaikan.

Semasa penyampaian pula, penekanan kepada aspek verbal dan bukan verbal adalah perlu kerana ia mampu membezakan kepentingan mesej yang disampaikan. Ketika berada di hadapan kamera atau di hadapan audiens, penyampai perlu membayangkan wajah orang tersayang seperti ibu bapa sedang berada di hadapan.

Membina imej diri yang baik juga merupakan antara aspek yang mampu menarik perhatian audiens. Penampilan yang meyakinkan dari aspek pakaian, gaya, dan sikap boleh melambangkan identiti dan disiplin seseorang. Mengenali personaliti diri dan berusaha menjadi diri sendiri tanpa meniru orang tertentu adalah lebih baik dan kelihatan semula jadi. Secara tidak langsung, ia boleh meningkatkan keyakinan diri yang tinggi ketika berhujah.

Penggunaan teknik yang betul semasa penyampaian sama ada kelihatan formal atau tidak adalah bergantung kepada situasi dan majlis. Penggunaan teknik yang salah akan menyebabkan seseorang kelihatan kaku dan akan menyebabkan audiens merasa bosan untuk terus mendengar. Adalah lebih malang lagi sekiranya penyampai kelihatan 'syok sendiri' dengan terus berbicara sedangkan audiens telah mengalihkan perhatian misalnya berbual sesama mereka, leka dengan bermain telefon dan ada yang telah mula keluar dari majlis.

Untuk mengawal audiens adalah sesuatu yang mustahil namun terdapat beberapa kaedah yang boleh diamalkan untuk memastikan audiens terus memberi perhatian. Antaranya ialah dengan menggunakan nada suara yang bersesuaian dengan situasi dan topik yang dibicarakan, menggunakan suara yang jelas dan dapat didengari audiens, ekspresi wajah yang tepat dan wujudkan pertembungan mata (eye

contact) untuk memastikan audiens dapat merasai dan menyelami apa yang disampaikan. Selain itu, aspek penggunaan bahasa badan (body language) haruslah bersesuaian dengan apa yang disampaikan. Cara berdiri, duduk, dan berjalan dengan betul melambangkan keyakinan diri seseorang. Penggunaan ruang pentas yang baik ketika penyampaian akan membantu tumpuan audiens. Penyampai perlu bijak mengawal situasi misalnya ketika berhadapan dengan audiens yang kurang menyenangkan, ketika terlupa idea penting atau melakukan kesilapan dari segi sebutan atau hujah. Teruskan berhujah dengan jelas dan sentiasa berusaha menyelami apa yang disampaikan. Akhir sekali, penyampai yang baik sentiasa menganggap kritikan sebagai pembakar semangat dan peluang untuk menjadi lebih baik di masa hadapan.

Cabaran dunia tanpa sempadan hari ini memerlukan persediaan diri yang mantap serta penguasaan kemahiran generik yang merangkumi aspek komunikasi, hubungan interpersonal dan sebagainya dan bukan kepada pencapaian akademik semata-mata. Graduan harus menganggap segulung ijazah yang digenggam adalah sebagai salah satu lambang kepada ilmu yang dimiliki namun ia bukan tiket untuk memiliki pekerjaan yang diidam-idamkan. Banyak perkara yang perlu dikuasai semasa belajar dan setelah menamatkan pengajian. Begitu juga setelah memasuki dunia pekerjaan. Peningkatan diri adalah satu proses berterusan yang tiada noktahnya. Secara keseluruhannya, kuliah ini membuka minda pelajar tentang luasnya peluang pekerjaan dalam dunia penyiaran disamping untuk mempersiapkan diri dengan membina karakter diri yang positif serta kemahiran komunikasi yang berkesan.

Seminar Kokurikulum Berkredit Persiap Kemahiran Insaniah

oleh:

Noorfathehah Abdullah Sani
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan



Pada 9 Oktober 2019 yang lalu telah berlangsungnya satu Seminar Kokurikulum Berkredit yang dianjurkan oleh Jabatan Kokurikulum Berkredit, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan yang bertempat di Auditorium Mahyuddin, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pengajian Sosial. Seminar yang dihadiri hampir 200 orang pelajar ini dianjurkan oleh pensyarah kursus, iaitu Puan Noorfathehah dan para pelajar kursus kokurikulum berkredit iaitu CCP 3013 Perancangan dan Pengurusan Acara. Seminar ini bertujuan bagi memberi pendedahan kepada para pelajar terhadap kepentingan kemahiran insaniah dalam mendepani isu dan cabaran Alaf 21 terutamanya apabila mereka sudah bergraduasi kelak. Pendedahan terhadap pembangunan kemahiran insaniah adalah menepati hasrat dan objektif kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang berdaya saing dalam pembangunan modal insan negara.

Seminar ini dihadiri oleh pensyarah-pensyarah Jabatan Kokurikulum Berkredit merangkap sebagai penceramah dalam seminar ini mengikut kepakaran masing-masing. contohnya En Zuhaili Suhaimi dan Dr Rabi'u Musa yang memberi pendedahan tentang sukan dan

rekreasi, khususnya kesihatan mental dan fizikal dalam memantapkan kemahiran insaniah pelajar supaya lebih berdaya saing dan mempunyai emosi yang stabil. Selain itu, para pelajar juga diberi pendedahan bagaimana aspek lakonan dan pengarahan dalam kursus-kursus kebudayaan dan kesenian memberi impak dalam membentuk keyakinan diri dan kemahiran komunikasi terutamanya apabila berhadapan di khalayak ramai. Ia disampaikan oleh En. Madzlan Abet selaku pensyarah kebudayaan dan kesenian di Jabatan Kokurikulum Berkredit.

Di akhir seminar ini, para pelajar dapat mempersiapkan diri bukan hanya dalam aspek akademik, malahan mampu menguasai aspek kemahiran insaniah yang amat dititikberatkan oleh para majikan diluar sana. Penekanan terhadap pelajar dalam menguasai kesemua elemen kemahiran insaniah dapat ditingkatkan dengan mengaplikasikan kemahiran insaniah dalam aktiviti kokurikulum kebanyakan majikan masa kini memerlukan pekerja yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal tetapi juga memiliki kemahiran generik agar mereka memiliki *multiple skills* dalam melakukan pelbagai tugas yang diberi untuk meningkatkan produktiviti syarikat dan berdaya saing.

Warga UMT Sertai Kursus Memanah Teknikal Compound

oleh:

Mohamad Nuraidil Zakaria
Penerbit UMT

Memanah merupakan salah satu kegiatan riadah yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW selain berenang dan berkuda. Justeru, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melalui Bahagian Sukan dan Rekreasi, Pusat Pembangunan Holistik dan Kokurikulum (PPHK) telah menganjurkan Kursus Memanah Teknikal Compound khusus kepada kakitangan UMT dengan objektif membentuk sekumpulan jurulatih sukan memanah yang mampu melatih dan membimbing para pelajar yang berpotensi dalam sukan ini.

Kursus ini juga merupakan antara platform utama bagi pihak PPHK UMT untuk membentuk sebuah badan khas sukan memanah di UMT sama ada dalam bentuk kelab mahupun persatuan. Matlamat utama pembentukan badan khas tersebut adalah untuk membentuk sebuah akademi dalam sukan memanah bagi masyarakat sekitar dengan tumpuan membangunkan sukan ini di peringkat akar umbi.

Kursus tersebut diadakan di Dewan Kompleks Sukan Tengku Muhammad Ismail pada 20 hingga 21 Oktober 2019 dan dikendalikan oleh *Coach* Tan Peng Loon, jurulatih memanah compound para kebangsaan. Kursus ini telah dihadiri sejumlah 30 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan UMT pelbagai jawatan. Kursus ini telah dirasmikan oleh Hj. Mohamad Rafee Jusoh, Ketua Bahagian Sukan dan Rekreasi dan penutupannya dilaksanakan oleh Encik Mohd Noor Shokri bin Hj. Abdul Rahman, Pengarah Pusat Pembangunan Holistik dan Kokurikulum. Tempoh dua hari yang diluangkan oleh *Coach* Tan Peng Loon dimanfaatkan sepenuhnya oleh para peserta berikutan pengendalian kursus yang dilaksanakan secara santai dan menyediakan banyak sesi *hands-on* berkaitan teknikal memanah baik untuk *recurve*, *compound* mahupun *barebow*. Paling menarik ketika sesi penalaan busur atau *bow tuning* berikutan kemahiran ini hanya dikuasai oleh pemanah yang bergelar jurulatih.



RENUNGAN

Kerja Itu Ibadah


Kita sebagai khalifah Allah di muka bumi yang bersifat sebagai pelaksana dan penegak kepada agama serta bersiyasah dengannya. Kita memegang sejumlah amanah dan tanggungjawab yang diperintah dan ditaklifkan kepada kita. Justeru, dalam melayari bahtera kehidupan, soal makan minum, tempat tinggal dan kenderaan untuk menyampaikan kita ke satu-satu tempat adalah memerlukan harta dan kewangan yang kukuh.

Antara cara untuk mendapatkan harta adalah melalui pekerjaan. Dengan sebab itu, dalam al-Quran al-Karim terlalu banyak perintah untuk kita bekerja seterusnya mencapai kehendak manusiawi yang kita miliki. Terlalu banyak bentuk pekerjaan yang boleh kita lakukan. Yang penting adalah halal dan tidak bertentangan dengan Syariat sama ada kita sebagai peniaga, tokoh korporat yang besar, petani, pekebun, penternak, nelayan, pertukangan, mengambil sebarang upah, penjawat awam, bekerja di sektor swasta, maka semuanya adalah digalakkan. Begitu juga pembedahan niat setiap kali kita bekerja biarlah diniatkan kerana mengikut apa yang diperintah oleh Allah. Sebagai contoh, Rasulullah SAW bersabda:

“Barangsiapa mencari rezeki halal untuk menjaga diri daripada meminta-minta, dan dengan tujuan memenuhi nafkah keluarga, serta supaya dapat membantu tetangganya, nescaya dia akan datang pada hari Kiamat dengan wajahnya yang berseri-seri seperti bulan di malam purnama.”

Riwayat al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman (9890)
dan al-Tabarani dalam Musnad al-Syamiyyin
(3465)

Setiap perkara harus yang dilakukan oleh seorang Mukmin dengan unsur niat, ia bertukar menjadi ibadat. Namun, perkara haram tetap haram hukumnya walau bagaimana suci sekalipun niat si pelaku. Islam tidak merestui sesuatu yang haram itu dijadikan wasilah kepada tujuan yang mulia. Ini kerana, Islam menekankan kemurnian matlamat dan cara pada masa yang sama. Syariat Islam tidak menerima sama sekali prinsip, matlamat menghalalkan cara ataupun mencapai kebenaran melalui kerja-kerja batil. Sebaliknya, Islam mewajibkan umat mencapai kebenaran melalui jalan yang benar. Sesiapa yang mengumpul duit melalui amalan riba, rasuah, hiburan yang haram, perjudian, ataupun apa-apa amalan yang terlarang, dia melakukannya dengan tujuan membina sebuah masjid ataupun melancarkan program kebajikan, niatnya yang murni itu tidak mampu memberi kebaikan kepada dirinya. Ia tidak membuat dia terlepas daripada dosa melakukan perkara haram. Ini kerana, perkara haram itu tidak terkesan ataupun luak dengan niat dan tujuan si pelaku.




Cakna Warisan Ulu Terengganu

Penyunting:
Nor Hayati Sa'at
Hazman Samsudin
Mohd Azizul Mohd Zanggi

ISBN: 978-967-2320-27-2

Tahun: 2019



Komuniti Pesisir Pantai
Menangani Pembangunan dan
Perubahan

Penyunting:
Nor Hayati Sa'at
Nazli Aziz
Siti Salina Abdullah

ISBN: 978-967-2320-30-2

Tahun: 2019




Kajian Wacana dan Strategi
Komunikasi
Teori dan Aplikasi

Pengarang:
Normaliza Abd Rahim

ISBN: 978-967-2320-34-0

Tahun: 2019




Kaunseling Pelbagai Budaya

Pengarang:
Kamarul Md. Shah
Mohd Radhi Abu Shahim
Salleh Amat

ISBN: 978-967-2320-46-3

Tahun: 2019




Tadbir Urus Pembangunan
Komuniti di Malaysia

Penyunting:
Nazli Aziz
Suhail Kusairi
Zuraini Anang
Abdul Razak Ahmad

ISBN: 978-967-2320-32-6

Tahun: 2019




Modul Pengajaran-Pembelajaran
BBB 3105 Kemahiran Berfikir

Pengarang:
Noor Rohana Mansor

ISBN: 978-967-2320-28-

Tahun: **2019**



Debur Perhentian

Penyunting:
**Muhammad Haji Salleh
Noraien Mansor**

ISBN: 978-967-2320-43-2

Tahun: **2019**



Terapi Penceritaan untuk Ibu Tunggal
(CD)

Pengarang:
**Zakaria Mohamad
Siti Aishah Mohamad Nor**

eISBN: 978-967-2320-37-1

Year: **2019**



Asas Kemahiran Komunikasi (CD)

Pengarang:
**Che Hasniza Che Noh
Isma Rosila Ismail
Mohamad Mahdi Abbas
Mohd Yusri Ibrahim**

eISBN: 978-967-2320-18-0

Tahun: **2019**



Job Performance Issues and Insights
(CD)

Penyunting:
**Khatijah Omar
Siti Nor Adawiyah Azzahra
Kamaruddin
Muhammad Abi Sofian Abdul Halim**

ISBN: 978-967-2320-25-8

Tahun: **2019**